

MEF bantah syor naikkan elauan

KUALA LUMPUR 2 Ogos - Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) tidak bersetuju terhadap cadangan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Fong Chan Onn supaya elauan pengangkutan dan elauan perjalanan pekerja sektor swasta dinaikkan.

Dalam satu kenyataan yang ditandatangani Pengarah Eksekutif MEF, Shamsuddin Bardan hari ini, persekutuan itu memutuskan majikan sektor swasta tidak wajar dibebankan lagi dengan sebarang kos pengangkutan tambahan untuk pekerja masing-masing.

"Sebarang pertambahan elauan pengangkutan dan kadar tuntutan perjalanan akan mendatangkan masalah kepada majikan yang turut menghadapi kos operasi yang semakin meningkat," katanya.

Shamsuddin berkata, kos pengeluaran yang semakin meningkat berpunca daripada keputusan kerajaan mengurangkan subsidi bahan api dan kenaikan tarif elektrik.

Sejak pengumuman terakhir pengurangan subsidi bahan api, beliau berkata, kira-kira 16.5 peratus syarikat yang disoal selidik oleh MEF pada April lepas sudah pun menaikkan elauan perjalanan pekerja masing-masing antara 18.81 peratus dan 27.03 peratus.

Semalam, Fong mengulangi gesaannya supaya majikan sektor swasta menambah bayaran elauan pengangkutan dan perjalanan dalam perjanjian bersama (CA) dengan pekerja masing-masing.

Beliau berkata, menerusi elauan-elauan baru ini, bebanan pekerja sektor swasta berikutan kenaikan kos sara hidup, termasuk harga bahan api, dapat dikurangkan.

Sambil mengakui bahawa ramai majikan yang sudah membayar manfaat baru itu, beliau berkata ramai juga majikan yang belum memperkenalkan langkah yang sama.

Beliau dilaporkan berkata bahawa Jabatan Buruh telah diarah memantau perkara itu bagi memastikan mesej kementerian sampai kepada semua majikan sektor swasta.